

30 JUN 2002

Syed Hamid-OIC

CADANGAN M'SIA AGAR OIC DISUSUN SEMULA DIPERSETUJUI, KATA SYED HAMID

SEPANG, 30 Jun (Bernama) -- Peranan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan disusun semula supaya ia lebih berorientasikan tindakan dan untuk mengubah persepsi masyarakat dunia terhadap OIC yang dilihat sebagai pertubuhan yang lebih bercorak retorik dan kurang mampu bertindak.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, perkara itu telah dipersetujui oleh semua Menteri-menteri Luar negara-negara anggota OIC yang menghadiri mesyuarat tahunan di Khartoum, Sudan yang berakhir semalam.

Bercakap kepada media di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini sekembalinya dari Khartoum, Syed Hamid berkata kini telah dimulakan kerja-kerja melantik jururunding bagi membuat kajian terhadap bidang yang perlu diberikan penekanan oleh OIC.

"Kebanyakan ahli (negara anggota OIC) berpendapat bahawa OIC adalah satu badan yang boleh dimanfaatkan tetapi ia memerlukan pendekatan baru supaya mencerminkan inspirasi anggota-anggotanya.

"Kita harap OIC menjadi forum atau mekanisme yang bagus untuk kita bertemu dan bergerak ke satu tahap bukan sahaja sekadar bercakap tetapi bertindak demi manfaat anggota," katanya.

Syed Hamid berkata penyusunan semula perananan OIC telah dicadangkan oleh Malaysia pada Mesyuarat Luar Biasa Menteri-Menteri Luar OIC (ICFM) mengenai Keganasan di Kuala Lumpur pada April lepas.

Beliau berkata Malaysia telah menyuarakan rasa sedih apabila OIC terus dilihat sebagai pertubuhan yang retorik dan kurang mampu bertindak dengan pertubuhan itu gagal melaksanakan dengan berkesan pelbagai resolusi dan keputusan yang diterimanya.

Syed Hamid berkata mesyuarat itu juga bersetuju menerima pakai deraf resolusi mengenai penubuhan Jawatankuasa Peringkat Menteri mengenai keganasan yang dianggotai 13 negara di bawah Pelan Tindakan yang dimasukkan dalam Deklarasi Kuala Lumpur.

"Kita (Malaysia) bersetuju untuk menjadi tuan rumah bagi rundingan jawatankuasa 13 negara itu," katanya.

Di bawah Pelan Tindakan itu jawatankuasa berkenaan antara lain akan mencadangkan langkah-langkah berhubung pembangunan membabitkan negara-negara Islam serta memperluaskan kerjasama antara anggota-anggota OIC dalam memerangi keganasan.

Syed Hamid juga berkata para pemimpin negara Islam yang menghadiri mesyuarat itu juga melahirkan rasa terkejut dengan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad untuk meletakkan jawatan berkuatkuasa Oktober tahun depan.

Beliau berkata mereka melahirkan rasa kecewa dengan perkara itu kerana Dr Mahathir dianggap sebagai pemimpin Islam yang boleh menyuarakan pandangan secara tegas dan tidak takut dengan sesiapa.

Mereka juga menyatakan rasa sedih akan kehilangan seorang pemimpin Islam yang mempunyai kewibawaan dan kredibiliti hebat serta mendapat sokongan negara-negara Islam.

"Saya telah menjelaskan kepada mereka mengenai proses peralihan kuasa dan struktur hirarki kepimpinan bagi menyakinkan mereka bahawa walau Dr Mahathir tidak lagi menjadi Perdana Menteri, Malaysia tidak akan berhenti memainkan peranan yang diperlukan," katanya.

Syed Hamid berkata mesyuarat itu juga membincangkan krisis kewangan yang dihadapi oleh pejabat Sekretariat OIC di Jeddah kerana kebanyakan negara anggota gagal menjelaskan tunggakan sumbangan masing-masing yang

berjumlah US\$29 juta (RM110.2 juta).

Beliau berkata ini terjadi kerana kebanyakan anggota OIC terdiri daripada negara miskin dan menyebabkan hanya 20 daripada 57 negara anggota menjelaskan sumbangan masing-masing tepat pada masanya.

-- BERNAMA

AKT RZS PR